

Book review:



' Ubah ' - Syed Alwi Alatas

ISBN : 9789830975962
Penerbit : Galeri Ilmu
No. Panggilan : BP188.A49 2016

Ubah merupakan sebuah buku dalam genre motivasi. Buku ini di tulis dengan gaya penceritaan yang menarik dan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. Banyak pengajaran yang berguna dalam buku ini antaranya ialah;

1. Untuk berubah dan berjaya kita perlu mulakan dengan langkah pertama dan berterusan tanpa rasa putus asa.
2. Untuk berubah kita perlu mengubah diri sendiri dahulu sebelum kita mengubah orang lain.
3. Raja bagi diri manusia adalah hati dan anggota badan ibarat askar yang akan menurut perintah.
4. Sesuatu perbuatan yang dibuat hendaklah dengan niat kerana Allah S.W.T dan jangan tujuan untuk menunjuk-nunjuk kepada manusia.
5. Kebiasaan kita adalah berharap orang lain berubah namun kita sendiri tetap seperti itu.

Penulis menjadikan nabi Muhammad S.A.W sebagai contoh tauladan dan ikutan. Setiap penerangan diselitkan dengan hadis-hadis dan dalil yang dapat menyokong hujah. Daripada tajuk luaran saya menganggap buku ini adalah sebuah karya politik tetapi setelah membaca helaian pertama tanggapan saya ternyata salah. Buku ini benar-benar memotivasikan diri untuk berubah menjadi manusia yang lebih baik.

Ringkasan buku Oleh : En. Noorazli Othman, Pembantu Pustakawan